Buletin MPKS
"Usaha Untuk Rakyat"
Majlis Perbandaran Kuala Selangor www.mpks.gov.my
Mei - Ogos 2026



"THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS"
5,555 CUCUK SATE KERANG
SEMPENA ULANG TAHUN PERBANDARAN KE-5 KUALA SELANGOR
8 OGOS 2026

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2026 MPKS 5
MPKS Terima Anugerah "Public Service Excellence Recognition" 17
Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 22

Naskah Percuma
Selangor Indah dan Bersejarah

Aktiviti MPKS
Mei - Ogos 2026

MEI

- Bengkel Usahawan Pengurusan dan Rekod Kewangan Yang Efektif 2026.
- Program Key Communicator - Komuniti Selangor Bersih, Bermitegriti dan Bersi Rasuah.
- Kunjungan Hormat Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTM.
- Operasi Penggeledahan Tanpa Waran di LBS Rental Pertama.
- Pengauditan terhadap Pengurusan Bas Smart Selangor di Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025.
- Operasi Bersepadu Tempat Pembuangan Sampah Haram di Ijok.
- Kursus Keselamatan dan Kecemasan di Air Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan 2026.
- Penyerahan Surat Tawaran Kerja-Kerja Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) Tahun 2026 di Kawasan Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Sesi Perbincangan Isu Ladang Ayam Jalan Batu Bata, Jeram.
- Program Keselamatan dan Kecemasan di Air 2026
- Sesi Audit Dalaman ERSA 2026.
- Sesi Penyerahan Surat Setuju Terima kepada INFRASEL.
- Bicara Wakaf bersama Perbadanan Wakaf Selangor.
- Program Korban MPKS 2026.

JUN

- Masyuarat Malaysia Smart City Network (MSCN) 2026.
- Operasi Bersepadu Ladang Temakan Ayam Tanpa Kebenaran.
- Program Wanita Cekal Ekonomi Mampan 2026 MPKS.
- Lawatan Kerja ke Majlis Bandaraya Shah Alam bagi Perkongsian Pelaksanaan Bazar Ramadan.
- Sambungan Bantuan Kras Senjana Kelakaran di Pekan Tanjung Karang
- Larian Obor Sukma 2026 Peringkat Daerah Kuala Selangor
- Bicara Integriti "Integriti Sebagai Perisai Penguan Digital"
- Persidangan Sesita 2026 Ke arah Pengurusan Strata Kelas Pertama.
- Operasi Bersepadu Premis Barangan Kitar Semula di Batu 23 Ijok.
- Majlis Pembukaan Operasi Lig Sisa-Ke Tenaga 1 Jeram.
- Program Cintakan Pantai Kita 2026.
- Kursus Jun Santai Kuala Selangor di Terengganu.
- Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas Generasi Madani 2026.
- Designlab: Build The Future.
- Kursus "Pendahuluan Diri, Kemudahan atau Kesempatan?".
- Program Kebudayaan MPKS 2026 Dun Sg. Burong dan Permatang
- Bengkel Latihan Akses Audit Akemebliti OKU MPKS 2026.
- Operasi Pemeliharaan Pasar Raya Sekitar Kuala Selangor
- Operasi Bersepadu Kilang Memproses Barangan Kitar Semula Plastik Tanpa Kebenaran di Jeram.
- Lawatan Persiapan dan Kesiapsiagaan Kemudahan Fasiliti Kompleks Sukan Kuala Selangor

JULAI

- Lawatan Kerja Pemantauan Aras Pengurusan Aduan dan pada Majlis Perbandaran Sepang
- Focus Group Discussion Rancangan Tempatan MPKS Sri 2.
- Mesyuarat Agung Tahunan ANJULAE Cawangan MDN Selangor bagi sesi 2026-2029
- Operasi Bersepadu Premis Barangan Kitar Semula Daerah Kuala Selangor
- Perhimpunan Pagi Bil 2 2026.
- Kursus Pengendalian Aduan Awam dan Kemahiran Runding Cara MPKS 2026.
- Lawatan Kunjung Hormat Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Selangor
- Lawatan Kunjung Hormat Yayasan Selangor.
- Lawatan Kunjung Hormat Teraju Ekonomi Asnaf.
- Perasmirgan Premis Makanan Bersih Daerah Kuala Selangor 2026
- Operasi Bersepadu Premis Warga Asing sekitar Tanjong Karang dan Pasar Perumbung
- Program Penajagaan Kebalasan Tahun 2026
- Program Sahabat Remaja 2026.
- Sesi Kunjung Hormat dan Jalinan Kerjasama MPKS dan Gamuda Technologies.
- Kunjungan Hormat Wanita Berdaya Selangor (WDS).
- Sesi Libat Urus ke Arah Sangunan Hijau Daerah Kuala Selangor.
- Operasi Warga Asing Pasar Malam Taman Industri Alam Jaya.
- Kunjungan Hormat Samsung C&T (K) Sdn. Bhd.

OGOS

- Lawatan Media Perbandaran Kuala Langat ke MPKS.
- Majlis Tepuk Tanah SJR (C) Esri Gtandeur
- Kuala Selangor Bersatawa
- Lawatan Kunjung Hormat Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
- Majlis Sucaan Tahun Pertama MPKS 2026.
- Karnival Jom Santai @ Kuala Selangor
- The 4th Edition WMAM Recognition Awards 2026.
- Kursus Modul Pengukuhan Governans Integriti dan Antirasuah (MPGIA) Bilangi Integriti Berpasukan.
- Sesi Conference Persatu Kewangan Tahun 2025.
- Kunjungan Hormat Cawangan Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) Negeri Selangor
- Acara Mountain Bike, SUKMA SELANGOR 2026
- Kejohanan Sepak Tak Piala Yang Dipertua 2026 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Majlis Penamtian SUKMA Selangor 2026
- Acara Pelancaran SUKMA SELANGOR 2026
- Operasi Penggeledahan dan Rampasan Dokumen di Sekm Strata Sasaran Utama
- Sumbangan Saka Angkat Sukan MPKS.
- Acara Bola Jaring, SUKMA SELANGOR 2026
- Perhimpunan Pagi Bil. 3 2026.
- Lawatan Tapak MPKS ke Lebuh Hal Pantai Timur (East Coast Rail Link) Dalam Daerah Kuala Selangor
- Sambutan Hari Kebangsaan Ke-68 Peringkat Negeri Selangor 2026.



Sidang Redaksi
BULETIN MPKS

Penaung
Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri *SMS,*
ydp@mpks.gov.my

Penasihat
TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar *AIS, PPC,*
myusli@mpks.gov.my

Editor
Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mpks.gov.my

Pengarang
Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mpks.gov.my

Penolong Pengarang
Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mpks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan
Encik Norirwan Sahni bin Mohmed Mogi
irwanshahi@mpks.gov.my

PROGRAM "KEY COMMUNICATOR"

KOMUNITI KUALA SELANGOR BERSIH, BERINTEGRITI DAN BENCI RASUAH

7 Mei 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) bersama SPRM Negeri Selangor dan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor telah menganjurkan Program Key Communicator – Komuniti Kuala Selangor Bersih, Berintegriti dan Benci Rasuah pada 7 Mei 2026 di Dewan Ixora Hillpark, Puncak Alam bagi memperkukuh budaya integriti dan kesedaran membenci rasuah dalam kalangan komuniti. Program turut menampilkan ceramah khas oleh Syamsul Debat serta penyampaian Anugerah MPP 2025, Anugerah Pengurusan JKP Terbaik 2025 dan Sijil Penghargaan SPRM bagi Anugerah Integriti 2026 sebagai penghargaan kepada komuniti dan pemimpin setempat.



Sumber - 1. Unit Integriti
2. Jabatan Pembangunan Masyarakat

BENGKEL USAHAWAN

"PENGURUSAN DAN REKOD KEWANGAN YANG EFEKTIF 2026"

7 Mei 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Bengkel Usahawan "Pengurusan dan Rekod Kewangan yang Efektif 2026" pada 7 Mei 2026 di Dewan Bandar Baru, MPKS yang disempurnakan oleh YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS, dengan menampilkan Prof. Madya Dr. Rina Fadhilah Ismail dari Fakulti Perakaunan, UiTM Puncak Alam sebagai penceramah jemputan. Seramai 204 peserta menyertai program yang memberi fokus kepada pengurusan kewangan secara sistematik bagi meningkatkan keupayaan usahawan mengurus kewangan dengan lebih berkesan serta menyokong pembangunan usahawan yang berdaya saing dan komuniti setempat.



Sumber - Jabatan Pembangunan Masyarakat

KUNJUNGAN HORMAT UiTM SELANGOR KAMPUS PUNCAK ALAM KE MPKS

12 Mei 2026





Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

OPERASI PENGGELEDAHAN TANPA WARAN

DI SKIM STRATA PUNCAK ALAM

12 Mei 2026

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPKS bersama PDRM dan KPKT melibatkan 8 pegawai telah menjalankan pemeriksaan dan penggeledahan tanpa waran di bawah Seksyen 127, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) di sebuah skim strata di Puncak Alam pada 12 Mei 2026. Operasi bertujuan mendapatkan dokumen dan maklumat berkaitan pengurusan serta pentadbiran skim strata untuk siasatan lanjut, dengan beberapa dokumen turut dirampas bagi membantu siasatan.

Susulan peletakan jawatan semua ahli Jawatankuasa JMB, COB MPKS akan melantik ejen pengurusan selaras Seksyen 86, Akta 757 bagi memastikan pengurusan dan penyelenggaraan skim strata terus berjalan sehingga AGM seterusnya dan penubuhan JMB baharu. MPKS komited memastikan pengurusan strata mematuhi peruntukan Akta 757 demi kepentingan dan kesejahteraan komuniti strata.








Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan

PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN BAS SMART SELANGOR DI MPKS

13 Mei 2026





Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2025 MPKS

15 Mei 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPKS Tahun 2025 sebagai penghargaan kepada warga kerja yang menunjukkan dedikasi, komitmen dan prestasi cemerlang sepanjang tahun. Majlis disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan turut dihadiri Pegawai Daerah Kuala Selangor, Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Setiausaha MPKS, Ahli-Ahli Majlis serta Ketua-Ketua Jabatan dan Unit.

Majlis turut meraikan pesara tahun 2025, penerima Anugerah Khas Yang Dipertua dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2025 sebagai penghargaan atas jasa, pengorbanan dan kecemerlangan kepada organisasi. Tahniah diucapkan kepada semua penerima dan semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik demi kecemerlangan MPKS dan kesejahteraan masyarakat Kuala Selangor.



















Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI BERSEPADU TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI IJOK

14 Mei 2026





Sumber : Jabatan Penguatkuasa

KURSUS KESELAMATAN DAN KECEMASAN DI AIR

16 Mei 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Kursus Keselamatan dan Kecemasan di Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan pada 16 Mei 2026 yang disertai 50 peserta terdiri daripada pendayung, rakan pelancongan dan Skuad PANTAS MPKS. Kursus memberi pendedahan berkaitan teknik penyelamatan air, penggunaan peralatan keselamatan serta bantuan awal ketika kecemasan bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan kecekapan petugas serta memastikan pematuhan SOP pelancongan air demi menjamin aktiviti eko-pelancongan di Kuala Selangor yang selamat dan berkualiti.















Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

OPERASI BERSEPADU LADANG TERNAKAN AYAM TANPA KEBENARAN

3 Jun 2026







Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

PROGRAM WANITA CEKAL, EKONOMI MAMPAN 2026

3 Jun 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Program Wanita Cekal, Ekonomi Mampan 2026 pada 3 Jun 2026 di Dewan Seri Siantan. MPKS yang disempurnakan oleh Tuan Haji Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Timbalan Setiausaha MPKS. Program disertai 150 peserta dengan pengisian berkaitan keusahawanan, strategi pemasaran, pembangunan perniagaan dan peningkatan daya saing dalam era digital, selain memperkukuh jaringan kerjasama antara MPKS, agensi kerajaan, NGO dan institusi pendidikan bagi memperkasa wanita serta menyokong pembangunan ekonomi komuniti yang mampan.







Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

LAWATAN KERJA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR KE MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

4 Jun 2026

MPKS telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pada 4 Jun 2026 bagi mendapatkan perkongsian pengalaman, amalan terbaik dan maklumat berkaitan pelaksanaan Program Bazar Ramadan serta inisiatif pengurusan bandar. Lawatan ini diharap dapat membantu MPKS memperkukuh pengurusan, perancangan dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.



Sumber : Jabatan Perkhidmatan

LARIAN OBOR SUKMA & PARA SUKMA SELANGOR 2026 PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR

6 Jun 2026

Dataran Malawati meriah dengan kehadiran lebih 1,000 peserta bagi menjayakan Program Larian Obor SUKMA & Para SUKMA Selangor 2026 Peringkat Daerah Kuala Selangor pada 6 Jun 2026 yang disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor. Program turut menyaksikan pelancaran maskot dan lagu rasmi serta penyerahan obor kepada YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS, melibatkan penyertaan penjawat awam, badan beruniform, institusi pendidikan, pertubuhan belia dan komuniti setempat sebagai simbol sokongan terhadap SUKMA & Para SUKMA Selangor 2026 serta semangat kesukanan, perpaduan dan kebersamaan rakyat Selangor.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BICARA INTEGRITI

"INTEGRITI SEBAGAI PERISAI PENIPUAN DIGITAL"

9 Jun 2026









Sumber : Unit Integriti

PERSIDANGAN STRATA 2026

KE ARAH PENGURUSAN STRATA KELAS PERTAMA

11 Jun 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Persidangan Strata 2026: Ke Arah Pengurusan Strata Kelas Pertama pada 11 Jun 2026 di Shah Alam sebagai platform perkongsian ilmu dan amalan terbaik berkaitan pengurusan strata yang menghimpunkan penggubal dasar, agensi kerajaan, PBT, pemaju, badan pengurusan serta pengamal industri. Persidangan dimulakan oleh YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS merangkap Timbalan Pesuruhjaya Bangunan 1 (COB) MPKS dan disempurnakan oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri KPKT, sekali gus mencerminkan komitmen MPKS dalam memperkukuh tadbir urus pengurusan strata yang cekap, telus dan mampan demi kesejahteraan komuniti.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan

PROGRAM CINTAILAH PANTAI KITA

13 Jun 2026

Pantai Sungai Burong, Tanjong Karang menjadi lokasi Program Cintailah Pantai Kita pada 13 Jun 2026 anjuran MPKS dengan kerjasama KPKT, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor serta pelbagai agensi dan komuniti setempat yang melibatkan 600 peserta. Program disempurnakan oleh YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan turut melibatkan penanaman 200 pokok rhu bagi membantu mengurangkan hakisan serta aktiviti pembersihan pantai yang berjaya mengumpulkan 405 kilogram sampah kitar semula, sekali gus mencerminkan komitmen bersama dalam memelihara kebersihan dan kelestarian kawasan pesisir pantai.






Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

SIRI KONVOI #JOMSANTAIKUALASELANGOR 2026 KE NEGERI TERENGGANU

14-16 Jun 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah melaksanakan Siri Konvoi #JomSantaiKualaSelangor 2026 ke Negeri Terengganu pada 15 Jun 2026 sebagai inisiatif mempromosikan produk pelancongan, warisan, budaya dan gastronomi Kuala Selangor sempena Tahun Melawat Selangor 2026 dan Tahun Melawat Malaysia 2026. Konvoi turut singgah di Noor Arfa Craft Complex (NACC), Pasar Payang dan Pantai Batu Buruk, sekali gus memperluaskan promosi Kuala Selangor sebagai destinasi pilihan masyarakat dan pelancong dari seluruh negara.








Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

KEJOHANAN OLAHRAGA PENDIDIKAN KHAS GENERASI MADANI 2026

15-16 Jun 2026

Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas Generasi Madani 2026 telah berlangsung pada 15 hingga 16 Jun 2026 di Stadium Utama, Kompleks Sukan Kuala Selangor anjuran PPD Kuala Selangor dengan kerjasama MPKS, melibatkan 503 peserta terdiri daripada murid pendidikan khas, guru pengiring serta pegawai dan jawatankuasa. Sebanyak 214 acara balapan dan padang dipertandingkan bagi kategori masalah pembelajaran, pendengaran dan penglihatan sebagai platform mencungkil bakat, meningkatkan keyakinan diri, menggalakkan gaya hidup sihat serta memupuk integrasi sosial dalam kalangan murid pendidikan khas.







Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

PROGRAM KEBUDAYAAN DUN SUNGAI BURONG DAN DUN PERMATANG

20 Jun 2026

Program Kebudayaan DUN Sungai Burong dan DUN Permatang serta Kelas Cempuling Siri 1 telah berlangsung pada 20 Jun 2026 di Dataran Astaka Tanjong Karang anjuran Ahli Majlis dengan kerjasama MPKS dan PADAT, menarik kira-kira 500 pengunjung. Program menampilkan pelbagai persembahan seni dan permainan tradisional, selain Kelas Cempuling Siri 1 yang memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai seni muzik tradisional Cempuling sebagai warisan Negeri Selangor, sekali gus menyokong usaha memelihara dan memartabatkan warisan seni budaya tempatan.





Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BENGKEL AUDIT AKSESIBILITI OKU
DALAM REKA BENTUK SEJAGAT MPKS 2026

23 Jun 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Bengkel Audit Aksesibiliti OKU dalam Reka Bentuk Sejagat MPKS 2026 serta Majlis Pelantikan Jawatankuasa Akses Audit MPKS sesi 2026/2027 pada 23 Jun 2026 di Dewan Sri Siantan, Ibu Pejabat MPKS bagi memperkukuh kefahaman teknikal dan penerapan prinsip reka bentuk sejagat dalam pembangunan fizikal yang mesra OKU dan inklusif. Program yang diurusetiakan oleh Jabatan Kawalan Bangunan ini turut menekankan kepentingan aksesibiliti, keselamatan dan kesaksamaan dalam perancangan pembangunan bagi mewujudkan persekitaran yang inklusif, selesa dan mampan untuk semua.



Sumber - Jabatan Kawalan Bangunan

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA
MPSEPANG KE MPKS

1 Julai 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima kunjungan hormat dan lawatan kerja daripada Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) pada 1 Julai 2026 di Ibu Pejabat MPKS yang melibatkan 35 pegawai dan kakitangan. Lawatan ini menjadi platform perkongsian pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pengurusan aduan serta sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, sekali gus memperkukuh kerjasama antara kedua-dua PBT ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap, berkesan dan berintegriti.



Sumber - Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

OPERASI BERSEPADU PREMIS BARANGAN KITAR SEMULA DAERAH KUALA SELANGOR

2 Julai 2026








Sumber : Jabatan Penguatkuasa

SESI FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD)

VOLUNTARY LOCAL REVIEW (VLR) SIRI 2

2 Julai 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Sesi Focus Group Discussion (FGD) bagi penyediaan Laporan Hala Tuju Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals Roadmap) dan Voluntary Local Review (VLR) pada 2 Julai 2026 di Dewan Dato' Hormat, Tanjong Karang yang dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS. Sesi ini memberi tumpuan kepada penilaian pencapaian SDGs, pengesahan dapatan, pengenalpastian jurang serta perumusan hala tuju dan keutamaan strategik pembangunan mampan Kuala Selangor, selaras dengan aspirasi RMK13 bagi mewujudkan daerah yang inklusif, berdaya tahan dan sejahtera.










Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

PERHIMPUNAN PAGI BIL. 2/2026 MPKS

8 Julai 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Perhimpunan Pagi Bil. 2/2026 yang disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan dihoskan oleh Jabatan Kawalan Bangunan. Perhimpunan turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan, pengiktirafan EKSA, insentif kemenangan pasukan MPKS dalam MAKSAK Games 2026 dan MALA Siri 1, pengenalan kakitangan baharu, tayangan video aktiviti MPKS serta sambutan hari lahir warga kerja bagi memperkukuh semangat kebersamaan, motivasi dan budaya kecemerlangan.








Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

KUNJUNGAN HORMAT YAYASAN SELANGOR KE MPKS

9 Julai 2026







Sumber : Unit Korporat, Pelaburan dan Perhubungan Awam

KUNJUNGAN HORMAT JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH KUALA SELANGOR KE MPKS

9 Julai 2026





Sumber : Unit Korporat, Pelaburan dan Perhubungan Awam

PROGRAM SAHSIAH REMAJA

"SAHSIAH UNGGUL, REMAJA BEBAS JENAYAH" 2026

16 Julai 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Program Sahsiah Remaja "Sahsiah Unggul, Remaja Bebas Jenayah" pada 16 Julai 2026 di Dewan MPKS, Saujana Utama dengan penyertaan 130 murid dan guru pengiring dari sekolah sekitar Kuala Selangor. Program yang disempurnakan oleh YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS ini memberi fokus kepada pembentukan sahsiah, jati diri dan integriti remaja serta kesedaran mengenai penyalahgunaan dadah, pencegahan jenayah, keselamatan siber dan penipuan dalam talian dengan kerjasama AADK Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

KUNJUNG HORMAT GAMUDA TECHNOLOGIES

PERKUKUH KERJASAMA PEMBANGUNAN MYPLANCHECK@MPKS

17 Julai 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima kunjungan hormat Gamuda Technologies yang diketuai oleh TPr. Ts. Md. Farabi Yussoff bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam pembangunan sistem AI Model Checker Pelan Bangunan, MyPlanCheck@MPKS. Sesi dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS serta melibatkan wakil KPKT, pengurusan dan pegawai MPKS serta pasukan penyelidikan Gamuda Technologies. Sistem berasaskan kecerdasan buatan (AI) ini dibangunkan bagi mempercepat serta meningkatkan ketepatan dan konsistensi semakan pelan bangunan, sekali gus menyokong pendigitalan, Ease of Doing Business (EODB) dan transformasi digital perkhidmatan awam.



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

SESI LIBAT URUS KE ARAH BANGUNAN HIJAU DI DAERAH KUALA SELANGOR

22 Julai 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Sesi Libat Urus ke arah Bangunan Hijau di Daerah Kuala Selangor sebagai platform memperkukuh usaha pembangunan mampan dan penerapan konsep bangunan hijau. Sesi yang dipengerusikan oleh YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS ini menampilkan perkongsian daripada JKR Malaysia, MGTC, CIDB, GreenRE Sdn. Bhd. dan MyFundAction berkaitan pembangunan lestari, kecekapan tenaga serta amalan bangunan hijau bagi menyokong agenda pembangunan Kuala Selangor yang lebih mampan, berdaya tahan dan mesra alam.






Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

OPERASI BERSEPADU PASAR MALAM TAMAN INDUSTRI ALAM JAYA

24 Julai 2026








Sumber : Jabatan Penguatkuasa

MPKS TERIMA ANUGERAH

"PUBLIC SERVICE EXCELLENCE RECOGNITION"

10 Ogos 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima Public Service Excellence Recognition sempena 4th Edition WMAM Recognition Awards 2026 pada 10 Ogos 2026 di Genting International Convention Centre (GICC), Resorts World Genting sebagai penghargaan terhadap komitmen dalam memperkukuh pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Anugerah diterima oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan MPKS dalam memastikan persekitaran yang bersih, selesa dan sejahtera serta penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti kepada masyarakat.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

KURSUS MODUL PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI

DAN ANTIRASUAH (MPGIA) TAHUN 2026 – SINERGI INTEGRITI PASUKAN

11 Ogos 2026

Unit Integriti, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Kursus Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) Tahun 2026 – Sinergi Integriti Pasukan pada 11 Ogos 2026 di Dewan Seri Siantan, MPKS dengan penyertaan 50 pegawai dan kakitangan. Kursus ini memberi fokus kepada pengukuhan kefahaman berkaitan tadbir urus, integriti, etika perkhidmatan dan budaya antirasuah melalui pengisian Kenali Personaliti, pembinaan organisasi berintegriti serta Gamifikasi Integriti, sekali gus menyokong usaha MPKS membudayakan integriti dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.



Sumber : Unit Integriti

KARNIVAL JOM SANTAI @ KUALA SELANGOR 2026

SEMPENA ULANG TAHUN PERBANDARAN KUALA SELANGOR KE-5

7-8 Ogos 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menganjurkan Karnival Jom Santai @ Kuala Selangor 2026 pada 7 hingga 8 Ogos 2026 di Dewan Siantan dan Dataran Malawati bersempena Sambutan Ulang Tahun Perbandaran Kuala Selangor Ke-5. Karnival menampilkan pelbagai pengisian antaranya Kuala Selangor Berselawat, Altingsburg Fun Run, Hari Bertemu Pelanggan, pameran agensi, jualan usahawan, aktiviti komuniti, persembahan kebudayaan serta persembahan Inteam dan UNIC.

Kemuncak karnival menyaksikan pengiktirafan The Malaysia Book of Records menerusi Edaran 5,555 Cucuk Sate Kerang sebagai usaha mengangkat warisan gastronomi Kuala Selangor. Turut berlangsung Perasmian Taman Rakyat MADANI oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS. Penganjuran karnival ini mencerminkan komitmen MPKS dalam memperkukuh hubungan bersama komuniti, merancakkan ekonomi setempat serta mempromosikan Kuala Selangor sebagai destinasi pelancongan yang berdaya saing.


















Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

MESYUARAT PENUTUP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN MPKS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

12 Ogos 2026

Mesyuarat Penutup Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 telah dipengerusikan bersama oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS dan YBrs. Dr. Nor Haiza binti Abd Aziz @ Juned, Pengarah Audit Negeri Selangor. Mesyuarat ini menjadi platform pembentangan hasil pengauditan serta memperkukuh amalan tadbir urus kewangan yang cekap, telus dan berintegriti bagi menyokong penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti kepada masyarakat.









Sumber : Jabatan Perbendaharaan

KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (HASIL) SELANGOR KE MPKS

13 Ogos 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) Selangor yang diketuai oleh YBhg. Datin Esmarlina binti Mohd Isa, Pengarah Negeri HASiL Selangor dan disambut oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS bersama pengurusan MPKS. Kunjungan ini menjadi platform mengeratkan hubungan serta memperkukuh kerjasama strategik antara MPKS dan HASiL Selangor dalam perkara berkepentingan bersama demi kepentingan organisasi dan kesejahteraan masyarakat Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam

KEJOHANAN TARIK TALI PIALA YANG DIPERTUA MPKS 2026

15-16 Ogos 2026

Kejohanan Tarik Tali Piala Yang Dipertua MPKS 2026 telah berlangsung pada 15 hingga 16 Ogos 2026 di Kompleks Sukan Kuala Selangor melibatkan tiga kategori iaitu Terbuka Pihak Berkuasa Tempatan, Tertutup Kuala Selangor dan Terbuka Remaja Bawah 21 Tahun. Kejohanan menyaksikan persaingan sengit serta semangat kesukanan dan kerjasama berpasukan yang tinggi, dengan MB Shah Alam muncul juara Kategori Terbuka PBT, Kerayong Tow bagi Kategori Tertutup Kuala Selangor dan Bukit Kapar Junior A bagi Kategori Terbuka Remaja Bawah 21 Tahun. Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.






Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

OPERASI PENGGELEDAHAN DAN RAMPASAN DOKUMEN DI SKIM STRATA SAUJANA UTAMA

18 Ogos 2026

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPKS bersama PDRM, Jabatan Perumahan Negara dan KPKT telah melaksanakan operasi pemeriksaan dan penggeledahan tanpa waran di sebuah skim strata di Saujana Utama pada 18 Ogos 2026 melibatkan tujuh pegawai bagi mendapatkan dokumen berkaitan pengurusan, pentadbiran dan kewangan untuk tujuan siasatan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Siasatan awal mendapati terdapat unsur disyaki penyelewengan dana penyelenggaraan berjumlah kira-kira RM178,000, manakala beberapa dokumen telah dirampas bagi membantu siasatan lanjut. COB MPKS turut melantik ejen pengurusan susulan struktur Jawatankuasa Perbadanan Pengurusan (MC) tidak lagi memenuhi keperluan ditetapkan bagi memastikan pengurusan dan penyelenggaraan skim terus berjalan.





Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan

"Usaha untuk rakyat"

TEMASYA SUKAN MALAYSIA (SUKMA) XXII SELANGOR 2026

16-22 Ogos 2026

Majlis Penyampaian Pingat bagi acara Bola Jaring dan Petanque sempena Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 telah berlangsung di Kompleks Sukan Kuala Selangor dalam suasana meriah. Acara Bola Jaring menyaksikan Kontinjen Wilayah Persekutuan meraih emas, Johor perak dan Kedah gangsa, manakala acara Petanque turut menyaksikan persaingan sengit bagi kategori Mix Double, Triple Wanita, Triple Lelaki, Double Wanita, Double Lelaki serta Individu Lelaki dan Wanita.

Antara pencapaian membanggakan ialah Kontinjen Negeri Sabah yang mendominasi beberapa kategori Petanque, manakala atlet Selangor, Muhamad Rafiq bin Abdul Rahim berjaya meraih pingat emas bagi kategori Individu Lelaki. Majlis penyampaian pingat turut diserikan dengan penyampaian maskot, nyanyian lagu negeri dan sesi fotografi bersama dif-dif kehormat. Tahniah diucapkan kepada semua atlet dan kontinjen atas semangat kesukanan serta pencapaian yang membanggakan dalam SUKMA XXII Selangor 2026.













Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

PERHIMPUNAN PAGI BIL. 3/ 2026
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

27 Ogos 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah melaksanakan Perhimpunan Pagi Bil. 3 Tahun 2026 pada 27 Ogos 2026 di Dewan Seri Siantan, MPKS yang dihoskan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dan disempurnakan oleh YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS. Perhimpunan turut menyaksikan Gimik Pelancaran Bulan Kemerdekaan Peringkat MPKS serta penyampaian hadiah Pertandingan Premis Makanan Bersih Peringkat Daerah Kuala Selangor 2026, Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Awam WMAM 4th Edition Recognition Awards 2026 dan Anugerah Kecemerlangan Penyampaian Insentif Pendidikan KSKR 2026, sekali gus memperkukuh semangat patriotisme, kecemerlangan dan kualiti penyampaian perkhidmatan MPKS.








Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

LAWATAN TAPAK KE LALUAN REL PANTAI TIMUR (ECRL)
DAERAH KUALA SELANGOR

28 Ogos 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Lawatan Tapak Bersama Yang Dipertua MPKS ke jajaran East Coast Rail Link (ECRL) di Daerah Kuala Selangor pada 28 Ogos 2026 bagi meninjau perkembangan projek. Lawatan diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS bersama YBrs. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS serta para pengarah jabatan, dengan jajaran Seksyen 9 sepanjang 15.45 kilometer dan kemajuan kerja mencapai 83% sehingga Julai 2026. Lawatan ini turut memperkukuh penyelarasan bersama pihak berkaitan, selain meninjau potensi ECRL dalam mempertingkat jaringan pengangkutan dan logistik serta merancakkan pembangunan ekonomi Kuala Selangor.






Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

MPKS RAIH TEMPAT KEEMPAT

PERTANDINGAN KENDERAAN BERHIAS SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-69 PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2026

30 Ogos 2026

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) berjaya meraih Tempat Keempat dalam Pertandingan Kenderaan Berhias sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-69 Peringkat Negeri Selangor 2026 yang berlangsung pada 30 Ogos 2026 di Stadium Kajang. Hadiah kemenangan telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan diterima oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua MPKS. Kenderaan berhias MPKS mengetengahkan tema "Menelusuri Warisan, Menikmati Kesejahteraan" dengan elemen Bukit Malawati dan Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan sebagai simbol identiti serta warisan Kuala Selangor.











Sumber : Unit Korporat, Pelancongan dan Perhubungan Awam